

## Akaun Flex OCBC

### Terma dan Syarat

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

#### 1. Akaun Flex OCBC

1.1. OCBC Bank (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 199401009721 / 295400-W) ("OCBC Bank") menawarkan "Akaun Flex OCBC" (dahulunya dikenali sebagai Akaun FRANK OCBC), akaun simpanan yang membentarkan Pelanggan yang Layak (seperti yang didefinisikan di bawah) menyimpan wang di dalam Tabung Jimat (seperti yang didefinisikan di bawah) untuk mendapat faedah bonus, seperti yang tertera pada terma dan syarat ini.

#### 2. Kelayakan

- 2.1. Akaun Flex OCBC terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas, dan hanya kepada mereka yang adalah warganegara Malaysia. Pelanggan yang akaun-akaunnya dengan OCBC Bank telah digantung atau ditamatkan atau yang telah melanggar mana-mana perjanjian dengan OCBC Bank adalah tidak layak. Sebagai penjelasan, entiti selain orang semulajadi (sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan) adalah tidak layak untuk Akaun Flex OCBC. Seorang individu yang layak membuka Akaun Flex OCBC dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**"
- 2.2. Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh membuka **SATU** Akaun Flex OCBC di bawah nama tunggal. **Akaun dalam pegangan Bersama atau pelbagai tidak dibenarkan.**

#### 3. Ciri-ciri dan Kondisi

3.1	Deposit Permulaan Minimum	Deposit permulaan minimum bagi Akaun Flex OCBC adalah RM20. Baki minimum perlu dikenalpasti di dalam akaun adalah RM20. Akaun yang tidak berbaki secara berterusan untuk 90 hari akan ditutup. OCBC Bank akan memberikan makluman terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak berkenaan penutupan akaun melalui SMS ataupun melalui cara lain yang dianggap wajar. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup adalah mengikut budi bicara mutlak OCBC Bank.
3.2	Tabung Jimat, Tabung Perbelanjaan dan Baki Akaun Harian	<p>Dengan menggunakan Aplikasi Perbankan Mobile OCBC, seorang Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk memasukkan wangnya ke dalam Akaun Flex OCBC samada dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tabung Jimat di mana amaunnya diperuntukkan untuk menikmati Faedah Bonus (seperti yang didefinisikan di bawah), sebagai tambahan kepada Faedah Asas (seperti yang didefinisikan di bawah); atau</li> <li>b) Tabung Perbelanjaan di mana baki tersedia boleh ditarik atau dibelanja dan baki ini hanya memperolehi Faedah Asas</li> </ul> <p>Amaun pembelian melalui Kad Debit akan dipegang dan tercermin dalam pengurangan dalam amaun Tabung Perbelanjaan, tetapi masih akan termasuk dalam Baki Akaun Harian. Sekiranya saudagar tidak menyelesaikan amaun pembelian melalui Kad Debit dalam masa yang tertentu, amaun pembelian Kad debit akan dilepaskan kembali ke dalam Tabung Perbelanjaan, dan Pelanggan yang Layak masih tetap bertanggungjawab untuk membayar amaun pembelian Kad Debit tersebut. OCBC Bank berhak mendebitkan Akaun Flex OCBC Pelanggan yang Layak terlebih dahulu daripada Tabung Perbelanjaan dan sekiranya kekurangan, kekurangan tersebut akan didebitkan daripada Tabung Jimat bila-bila masa semasa penyelesaian saudagar tersebut. Tiada apa-apa yang akan mempengaruhi hak OCBC Bank untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan yang Layak untuk penyelesaian saudagar sekiranya kekurangan baki di dalam Akaun Flex OCBC tersebut.</p>
3.3	Faedah Asas	<p>Pelanggan yang Layak akan mendapat Faedah Asas berdasarkan keseluruhan baki akaun pada kadar faedah semasa ("Kadar Lazim") yang dikira secara harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Flex OCBC pada akhir bulan ("Faedah Asas").</p> <p>Kadar Faedah yang dibayar adalah berdasarkan kaedah pengiraan di bawah:</p> $\text{Faedah Asas} = \text{Baki Akaun Harian} \times \text{Kadar Faedah Asas}^1 \times \frac{1}{365}$ <p><sup>1</sup>Kadar Faedah Asas ditentukan oleh OCBC Bank dan Kadar Faedah Asas tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Kadar Faedah Asas terkini boleh didapati di laman web OCBC Bank. OCBC Bank akan memberi pemarkuman terlebih dahulu melalui pengumuman yang diposkan di cawangan, laman web OCBC Bank atau di media massa mengenai perubahan dalam Kadar Faedah Asas.</p>
3.4	Faedah Bonus	<p>(a) Wang di dalam Tabung Jimat adalah diperuntukkan dan tidak boleh dikeluarkan atau dibelanja dengan apa cara sekalipun. Maka, wang di dalam Tabung Jimat tidak boleh dikeluarkan melalui ATM, pemindahan dana melalui perbankan internet, pembayaran bil atau di kaunter dan tidak boleh dibelanja dengan menggunakan Kad Debit untuk membuat pembelian atau apa cara lain sekalipun. Pelanggan yang Layak harus mengeluarkan wang tersebut daripada Tabung Jimat dan masukkannya ke dalam Tabung Perbelanjaan, sebelum wang tersebut boleh dikeluarkan atau dibelanja. Pergerakan wang ke dalam dan keluar daripada Tabung Jimat dan Tabung Perbelanjaan hanya boleh dilakukan melalui Aplikasi Perbankan Mobile OCBC, dan pergerakan tercermin secara langsung dalam baki Tabung Jimat dan Tabung Perbelanjaan. Sekiranya terdapat apa-apa masalah dengan alat perhubungan Pelanggan yang Layak atau ketersambungan pertalian telekomunikasi, Pelanggan yang Layak tidak akan boleh menggerakkan wang ke dalam atau keluar dari Tabung Jimat dan Tabung Perbelanjaan.</p> <p>(b) Pembelian melalui Kad Debit yang diselesaikan selepas waktu yang tertentu mele过 tarikh transaksi boleh menyebabkan baki negatif di dalam Tabung Perbelanjaan. Di dalam kes ini, Faedah Bonus hanya dibayar atas Baki Akaun Harian dan bukannya baki yang di dalam Tabung Jimat. Setelah Pelanggan yang</p>

		<p>Layak menggerakkan wang daripada Tabung Jimat ke dalam Tabung Perbelanjaan, wang tersebut akan diaplikasikan untuk mebiayai baki negatif dengan serta merta. Sekiranya Baki Akaun Harian berada dalam baki negatif, tiada faedah yang akan dibayar keatas Akaun Flex OCBC.</p> <p>(c) Faedah Bonus dikira pada setiap akhir bulan mengikut kaedah pengiraan di bawah</p> $\text{Faedah Bonus} = \text{Baki Tabung Jimat Harian}^2 \times \text{Kadar Faedah Bonus}^3 \times \frac{1}{365}$ <p><sup>2</sup>Menurut klausula 3.4(b) di atas, sekiranya Baki Tabung Jimat melebihi Baki Akaun Harian, Faedah Bonus akan dikira mengikut Baki Akaun Harian. Tetapi, sekiranya Baki Akaun Harian adalah dalam baki negatif, tiada faedah yang akan dibayar.</p> <p><sup>3</sup>Kadar Faedah Bonus ditentukan oleh OCBC Bank dan Kadar Faedah Bonus ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Kadar Faedah Bonus teraplifikasi yang terkini boleh didapati daripada laman web OCBC. OCBC Bank akan memberi pemakluman terlebih dahulu melalui pengumuman yang diposkan di cawangan, laman web OCBC Bank atau di media massa mengenai perubahan dalam Kadar Faedah Bonus.</p> <p>(d) Kadar faedah efektif berjulat daripada 0.30% setahun kepada 2.20% setahun, bergantung kepada Baki Akaun Harian dan amaun yang diletakkan di dalam Tabung Jimat. Sila rujuk kepada soalan lazim produk di laman web OCBC untuk berbagai contoh tentang pengiraan kadar faedah.</p> <p>(e) Jadual di bawah mengandungi beberapa ilustrasi mengenai pengiraan kedua-dua Faedah Asas dan Bonus.</p> <p>Sila rujuk kepada rumusan di bawah untuk beberapa senario:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Senario</th><th>Baki Akaun</th><th>Baki Tabung Jimat</th><th>Baki Tabung Perbelanjaan</th><th>Pengiraan Kadar Faedah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>I. Baki Harian Tabung Jimat ≤ Baki Akaun Harian</td><td>RM 12,000</td><td>RM 5,000</td><td>RM 7,000</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ RM12,000 memperolehi faedah asas 0.30% setahun</li> <li>✓ Tambahan ini, RM5,000 memperolehi faedah bonus 1.90% setahun</li> </ul> <p>Nota: Faedah Bonus berdasarkan baki dalam Tabung Jimat dalam senario ini.</p> </td></tr> <tr> <td>II. Baki Harian Tabung Jimat &gt; Baki Akaun Harian</td><td>RM 3,000</td><td>RM 5,000</td><td>- RM 2000</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ RM3,000 memperolehi faedah asas 0.30% setahun</li> <li>✓ Tambahan ini, RM3,000 memperolehi faedah bonus 1.90% setahun</li> </ul> <p>Nota: Faedah Bonus berdasarkan baki akaun dalam senario ini</p> </td></tr> <tr> <td>III. Baki Akaun Harian dalam baki negatif</td><td>- RM 3,000</td><td>RM 5,000</td><td>- RM 8,000</td><td>Tiada faedah yang akan dibayar</td></tr> </tbody> </table> <p>(f) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan supaya Baki Akaun Harian tidak kurang daripada RM20 yang merupakan amaun minimum yang harus dikelaskan di dalam Akaun Flex OCBC sepanjang masa.</p> <p>(g) Pelanggan yang Layak harus muat turun dan memasang Aplikasi Perbankan Mobile OCBC ke dalam telefon mudah alih agar Pelanggan yang Layak boleh menggerakkan wang ke dalam dan keluar daripada Tabung Jimat dan Tabung Perbelanjaan. Penggunaan Aplikasi Perbankan Mobile OCBC tertera pada Terma dan Syarat yang mentadbir Perkhidmatan Perbankan Elektronik.</p>	Senario	Baki Akaun	Baki Tabung Jimat	Baki Tabung Perbelanjaan	Pengiraan Kadar Faedah	I. Baki Harian Tabung Jimat ≤ Baki Akaun Harian	RM 12,000	RM 5,000	RM 7,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ RM12,000 memperolehi faedah asas 0.30% setahun</li> <li>✓ Tambahan ini, RM5,000 memperolehi faedah bonus 1.90% setahun</li> </ul> <p>Nota: Faedah Bonus berdasarkan baki dalam Tabung Jimat dalam senario ini.</p>	II. Baki Harian Tabung Jimat > Baki Akaun Harian	RM 3,000	RM 5,000	- RM 2000	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ RM3,000 memperolehi faedah asas 0.30% setahun</li> <li>✓ Tambahan ini, RM3,000 memperolehi faedah bonus 1.90% setahun</li> </ul> <p>Nota: Faedah Bonus berdasarkan baki akaun dalam senario ini</p>	III. Baki Akaun Harian dalam baki negatif	- RM 3,000	RM 5,000	- RM 8,000	Tiada faedah yang akan dibayar
Senario	Baki Akaun	Baki Tabung Jimat	Baki Tabung Perbelanjaan	Pengiraan Kadar Faedah																		
I. Baki Harian Tabung Jimat ≤ Baki Akaun Harian	RM 12,000	RM 5,000	RM 7,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ RM12,000 memperolehi faedah asas 0.30% setahun</li> <li>✓ Tambahan ini, RM5,000 memperolehi faedah bonus 1.90% setahun</li> </ul> <p>Nota: Faedah Bonus berdasarkan baki dalam Tabung Jimat dalam senario ini.</p>																		
II. Baki Harian Tabung Jimat > Baki Akaun Harian	RM 3,000	RM 5,000	- RM 2000	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ RM3,000 memperolehi faedah asas 0.30% setahun</li> <li>✓ Tambahan ini, RM3,000 memperolehi faedah bonus 1.90% setahun</li> </ul> <p>Nota: Faedah Bonus berdasarkan baki akaun dalam senario ini</p>																		
III. Baki Akaun Harian dalam baki negatif	- RM 3,000	RM 5,000	- RM 8,000	Tiada faedah yang akan dibayar																		
3.5	Pengeposan Faedah-Faedah	Kedua-dua Faedah Asas dan Faedah Bonus akan diposkan ke akan pada akhir bulan dalam satu transaksi sebagai "Kredit Faedah", dibundarkan kepada 2 titik perpuluhan.																				
3.6	Pengiraan Faedah sekiranya Akaun ditutup	Sekiranya penutupan akaun berlaku, maka Kadar Lazim akan digunakan untuk mengira faedah harian terakru ke atas baki sehingga hari sebelum akaun ditutup bagi bulan kalendar dan tiada Faedah Bonus akan dibayar untuk Akaun tersebut.																				

#### 4. Syarat-syarat Am

1. Semua terma dan syarat sedia ada yang digunakan untuk produk dan perkhidmatan OCBC Bank yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat Akaun dan Perkhidmatan – Terma dan Syarat Utama, Perjanjian ahli kad debit OCBC, Terma dan Syarat mentadbir Perkhidmatan Perbankan Elektronik, dsb. akan terus digunakan. Sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana ia mentadbir hak dan obligasi Pelanggan yang Layak di bawah Akaun Flex OCBC.
2. OCBC Bank boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalendar, memodifikasi atau mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. Pihak

Bank, mengikut budi bicaranya dan selepas memberi notice dahuluan boleh mengubah Kadar Faedah Asas dan Kadar Faedah Bonus. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan Bank atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.

- 4.3. Rekod dan keputusan OCBC Bank, tertakluk kepada ketiadaan kesalahan nyata berkenaan sebarang perkara berkaitan dengan Akaun Flex OCBC adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua pihak termasuk Pelanggan yang Layak.